

## Majlis Khatam Al-Quran Peringkat Wilayah I (25 April 2019)

Program "Road to Ramadhan" anjuran Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah melabuhkan tirainya pada hari ini dengan kehadiran hampir 150 orang peserta yang terdiri dari kakitangan pejabat Wilayah I, PPK dan Peladang-Peladang. Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan bertempat di Masjid Al-Hidayah, Kampung Titi Beratap, Simpang Empat Perlis ini juga disambut meriah oleh pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Ar-Raudhah, Simpang Empat bersama-sama dengan penduduk tempatan.

Pengerusi Masjid Al-Hidayah, Yang Berbahagia Datuk Talib Ali yang merupakan mantan Exco Pertanian Perlis turut hadir serta menyatakan sokongan kepada program yang diadakan. Penceramah jemputan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) iaitu Ustaz Fazil Ahmad telah mengetuai Majlis Khatam Al-Quran bersama Tadabbur surah pilihan dan tazkirah berkaitan pertanian. Majlis penutupan bagi program ini telah disempurnakan oleh Y.Brs Encik Shahrul Nazri Awang, Timbalan Pengurus Besar (Pertanian) Wilayah I.







